

# Keprihatinan, kerjasama di sekolah elak kluster baharu

**Seperti** diumumkan Menteri Pendidikan, Dr Mohd Radzi Md Jidin, sesi persekolahan membabitkan kira-kira 500,000 pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) akan bermula 24 Jun ini.

Sebelum ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sebagai persediaan pembukaan semula sekolah, sudah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah.

Secara prinsipnya persiapan rapi bermula untuk memastikan sekolah dapat dibuka berpandukan garis panduan dibangunkan.

Dalam konteks ini, satu perkara tidak dapat dinafikan ialah guru bakal berhadapan cabaran besar untuk melaksanakan normal baharu, terutama dalam memastikan semua murid mematuhi garis panduan ditetapkan ini.

Mahu tidak mahu perlu wujud kerjasama erat antara semua pihak baik pentadbir sekolah, guru, murid, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa sendiri.

Ironinya, kita boleh menyediakan garis panduan yang baik, tetapi apa yang penting sejauh mana ia dipatuhi. Ini sangat mus-

tahak kerana persekitaran sekolah membabitkan bilangan orang yang ramai merangkumi guru, murid dan warga sekolah lain.

Jelas cabaran besar bukan sahaja dalam aspek meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan normal baharu, tetapi lebih tertumpu bagaimana kita mahu memastikan anak terus selamat di sekolah.

Bukan mudah untuk 'memaksa' murid mematuhi peraturan. Itulah sebabnya beban melindungi kesihatan dan keselamatan murid tidak boleh disandarkan pada bahu guru semata-mata.

Prinsip paling asas dan perlu dipatuhi ialah, murid serta guru perlu memastikan diri masing-masing sihat terlebih dahulu sebelum hadir ke sekolah.

Dalam melihat peranan ibu bapa, seandainya anak ada gejala pastikan tidak dihantar ke sekolah sebaliknya dapatkan rawatan sewajarnya. Begitu juga halnya dengan guru, jangan hadir bertugas jika ada sebarang gejala.

Proses saringan kesihatan sendiri di rumah perlu dilakukan setiap hari. Kita tidak mahu ambil sebarang risiko sehingga menjadi punca penularan wabak di sekolah yang boleh mengancam kesihatan guru dan murid lain.

Jadi ibu bapa dan guru perlu

lebih prihatin dengan tahap kesihatan dan tidak boleh ada sikap mementingkan diri dalam soal ini.

Satu lagi aspek penting ialah proses pendidikan dalam amalan penjagaan kesihatan diri. Ibu bapa mahupun guru wajib memainkan peranan menerapkan elemen pendidikan ini dalam diri setiap murid agar mereka didedahkan dengan penjagaan kesihatan yang betul.

Melaluinya murid boleh menjaga dan melindungi kesihatan serta keselamatan diri sendiri, tanpa perlu dipantau ibu bapa atau guru sepanjang masa.

Ringkasnya, kita perlu mengu-

 **Sikap saling memahami peranan antara guru dan ibu bapa sangat diperlukan agar sesi persekolahan dapat dilaksanakan dengan baik tanpa ancaman cetusan kluster sekolah.**

tamakan aspek pencegahan dan pendidikan kesedaran.

Misalnya, ibu bapa dan guru perlu ajar anak sama ada di rumah mahupun di sekolah secara berterusan cara serta kepentingan untuk menjaga kesihatan dan melindungi diri yang betul mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM.

Sedarkan mereka kenapa perlu amalkan gaya hidup sihat seperti kerap membasuh tangan, mengamalkan sanitasi, memakai pelitup muka serta menjaga penjarakan sosial dalam setiap urusan dan persekitaran di dalam kawasan sekolah atau ketika di luar sekolah.

Terangkan juga secara berte-rusan bagaimana virus ini boleh dijangkiti serta gejala yang akan dialami jika ada tanda dijangkiti.

Dengan ini murid akan sentiasa beringat apa yang perlu dibuat ketika berada dalam kelas, di kantin dan kawasan terbuka lain termasuk memahami etika pergaulan ketika bersama rakan.

Ini sangat penting kerana tidak mungkin kita mampu mengawal atau memantau gerak geri murid sepanjang masa. Jadi, biar kita mendidik mereka supaya menjaga dan melindungi diri sendiri.

Jujurnya, guru bakal berhadapan cabaran besar ketika memu-

lakan sesi pengajaran dan pembelajaran versi normal baharu kelak yang menuntut pematuhan terhadap garis panduan ditetapkan.

Maka, sikap saling memahami peranan masing-masing antara guru dan ibu bapa sangat diperlukan agar sesi persekolahan dapat dilaksanakan dengan baik tanpa ancaman cetusan kluster sekolah.

Ingat, tatkala kita mahu sekolah dibuka semula seperti biasa, tidak boleh ada sebarang kompromi dalam soal kesihatan dan keselamatan murid dan juga guru.

Hakikatnya, apabila sekolah dibuka semula kelak, baik guru, murid mahupun ibu bapa bakal melalui satu proses dan gaya hidup normal baharu yang perlu dilazimi selepas ini.

Justeru, kerjasama guru, ibu bapa dan pihak lain sangat diperlukan agar di samping sesi pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan seperti biasa, kita juga dapat memastikan murid tidak terdedah sebarang ancaman jangkitan wabak dengan terus mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

---

**Noor Mohamad Shakil Hameed,**  
Universiti Putra Malaysia